

Menjejak  
Jantung Hati  
Yang Hilang

# Gadis hilang entah ke mana...

Orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai individu hilang boleh menghubungi Ibu Pejabat Polis Bukit Aman di talian 03-2266 8307

4,057 individu termasuk gadis belasan tahun lari dari rumah sejak tiga tahun lalu

## Tinggal emak, tinggal saudara

Kosmo 21/3/12 MS 2

Oleh ATIKAH DALI, NUR AISHAH AMIN dan NOR IDAYU BOSRO  
berita@kosmo.com.my

### KUALA LUMPUR -

*Nasi lemak buah bidara,  
Sayang selasih hamba lurutkan;  
Tinggal emak tinggal saudara,  
Kerana kasih hamba turutkan.*

Rata-rata gadis yang dilaporkan hilang dari rumah didapati bertindak demikian kerana penangan cinta mahu tinggal bersama kekasih.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Seri Mohd. Bakri Zinin (**gambar**) berkata, kes orang hilang yang paling banyak dilaporkan adalah kerana mereka mengikut kekasih.

"Kebanyakan golongan (gadis) ini tidak dapat membendung pe-

rasaan cinta dan mengambil keputusan meninggalkan ibu bapa yang menentang cinta mereka.

"Ada juga dalam kalangan gadis yang hilang kerana mereka me-reka mahukan kebebasan, diikuti tekanan kerana masalah keluarga dan sebahagian lagi hilang kerana pengaruh rakan sebaya," kata beliau kepada *Kosmo!* ketika dihubungi di sini semalam.

Menurut beliau, terdapat juga kes-kes gadis hilang ketika keluar mencari pekerjaan, tidak siuman atau bodoh, tidak minat belajar selain ada dalam kalangan mereka dibawa lari oleh ibu bapa atau ahli keluarga sendiri.

Berdasarkan statistik, Mohd.

Bakri memberitahu, seramai 4,057 orang pelbagai peringkat umur dilaporkan hilang di seluruh negara sejak tahun 2009 hingga Februari 2012.



Daripada jumlah itu, sebanyak 30 peratus atau 1,438 daripada jumlah orang hilang ditemui semula sehingga Disember 2011 manakala baki-nya masih hilang dengan lebih 60 peratus mereka yang masih hilang melibatkan remaja

perempuan.

Bagaimanapun, menurut beliau, terdapat segelintir keluarga orang hilang dikesan tidak memaklumkan kepada polis selepas ahli keluarga mereka ditemui semula atau pulang ke rumah.

"Sekiranya hasil siasatan kita mendapati individu yang hilang itu diculik atau dilarikan untuk tujuan jenayah maka kes tersebut bukan lagi diklasifikasi sebagai orang hilang sebaliknya disiasat oleh pegawai cawangan jenayah," katanya.

Tambah Mohd. Bakri, ada juga sebilangan orang yang hilang dikesan berada di luar negara.

"Saya ingin menegaskan, polis tidak menutup kes biarpun individu tersebut telah bertahun-tahun dilaporkan hilang dan belum ditemui," kata beliau.

Dalam pada itu, seorang pakar jenayah, S. Jeevan memberitahu, kebanyakan gadis yang lari kerana cinta menganggap keputusan mereka adalah tepat.

"Gadis yang lari kerana cinta kebiasaannya membuat keputusan

ketika marah dan keputusan mereka itu sudah tentu mendatangkan kesan buruk kepada diri sendiri," kata beliau.

Penganalisis jenayah, Kamal Affendy pula berkata, golongan remaja yang merancang untuk lari tidak menunjukkan tanda-tanda murung sebaliknya berkelakuan normal bagi mengelak perkara itu diketahui oleh keluarga.

"Biasanya mereka akan mengemas barang-barang peribadi kesayangan seperti diari, jam tangan, gambar dan sebagainya untuk dibawa lari.

"Justeru, ibu bapa perlu peka dengan barang-barang yang ada dalam bilik anak-anak supaya rancangan mereka untuk melarikan diri dapat dikesan lebih awal," kata beliau.



**Nama:** Azlina Harun  
**Tarikh Lahir:** 20 Mac 1995  
**Alamat:** 876-7, Gong Pauh, Belakang Hospital, Kemaman, Terengganu  
**Tarikh hilang:** 21 Februari 2009  
**Status:** Belum ditemui



**Nama:** Fazlina Abdul Rahim  
**Tarikh Lahir:** 27 Julai 1986  
**Alamat:** Kampung Pantai Besar, Batu Kurau, Perak  
**Tarikh hilang:** 17 Mac 2005  
**Status:** Belum ditemui



**Nama:** Nurul Fatin Masir  
**Tarikh Lahir:** 1 September 1995  
**Alamat:** Kampung Kuala Sedaka, Yan, Kedah  
**Tarikh hilang:** 15 September 2011  
**Status:** Belum ditemui



**Nama:** Nurul Mujahidah Matusop  
**Tarikh Lahir:** 6 Ogos 1994  
**Alamat:** Kampung Belipat Baru, Jalan Kuala Lawas, Lawas, Sarawak  
**Tarikh hilang:** 12 September 2010  
**Status:** Belum ditemui



**Nama:** Roslina Rossil  
**Tarikh Lahir:** 29 April 1994  
**Alamat:** M8 Rumah 15 Kampung Contoh, Sandakan, Sabah  
**Tarikh hilang:** 9 Julai 2010  
**Status:** Belum ditemui



**Nama:** Rozila Mandli  
**Tarikh Lahir:** 28 Jun 1990  
**Alamat:** Kampung Penipah, Mukah, Sarawak  
**Tarikh hilang:** 7 Januari 2010  
**Status:** Belum ditemui



**Nama:** Shakinah Beevi  
 Mohamed Nas  
**Tarikh Lahir:** 20 Oktober 1992  
**Alamat:** No. 8, Lorong 7,  
 Taman Bukit Beruang,  
 Melaka  
**Tarikh hilang:**  
 23 Mac 2009  
**Status:** Belum ditemui



**Nama:** Wong Hui Min  
**Tarikh Lahir:** 20 Mac 1989  
**Alamat:** 29 Jalan Ara 4,  
 Taman Desa Cemerlang,  
 Ulu Tiram, Johor  
**Tarikh hilang:**  
 2 Jun 2011  
**Status:** Belum ditemui



**Nama:** D. Sumanthi  
**Tarikh Lahir:** 16 Januari 1993  
**Alamat:** B-3-7 Flat PPR  
 Taman Mulia Jln Budiman  
 Sg Besi Kuala Lumpur  
**Tarikh hilang:**  
 03 Januari 2011  
**Status:** Belum ditemui



**Nama:** Rahimah Syukur  
**Tarikh Lahir:** -  
**Alamat:** No. 31 Jalan Raja  
 Bot, Klang, Selangor  
**Tarikh hilang:**  
 27 Ogos 2011  
**Status:** Belum ditemui



**Nama:** M. Rejina  
**Tarikh Lahir:** 13 November  
 1993  
**Alamat:** No. 5 Jalan Bukit  
 Kuchai, Puchong, Selangor  
**Tarikh hilang:**  
 12 September 2011  
**Status:** Belum ditemui



**Nama:** R. Revathi  
**Tarikh Lahir:** 20 Mac 1995  
**Alamat:** No. 177 Quarters  
 JKR Persiaran Dayang Endah  
 Tanah Rata, Cameron  
 Highlands, Pahang  
**Tarikh hilang:**  
 16 Disember 2011  
**Status:** Belum ditemui



**Nama:** Rohani Anak Stanley  
 Kanging  
**Tarikh Lahir:** 18 Julai 1989  
**Alamat:** Blok H, Flat  
 Sibujaya, Sibujaya, Sarawak  
**Tarikh hilang:**  
 24 Disember 2009  
**Status:** Belum ditemui



**Nama:** Nor Suzana Ibrahim  
**Tarikh Lahir:** 17 November  
 1996  
**Alamat:** Blok 25-3-6 Flat Sri  
 Johor Batu 3 1/2 Salak  
 Selatan, Kuala Lumpur  
**Tarikh hilang:**  
 5 September 2011  
**Status:** Belum ditemui



**Nama:** Nurul Afizah Zulkifli  
**Tarikh Lahir:** -  
**Alamat:** 53-5-1 Lorong  
 3/125C Taman Desa  
 Petaling Jaya, Selangor  
**Tarikh hilang:**  
 16 April 2011  
**Status:** Belum ditemui



**Nama:** Nurul Asyikin Bahari  
**Tarikh Lahir:** 22 Mac 1991  
**Alamat:** No. 18 Kampung  
 Selarong, Kuala Ketil, Kedah  
**Tarikh hilang:**  
 5 April 2011  
**Status:** Belum ditemui



**Nama:** Rafeah Ab. Razak  
**Tarikh Lahir:** 16 September  
 1992  
**Alamat:** Lot 248 Kampung  
 Pulau Gorek Palekbang,  
 Tumpat, Kelantan  
**Tarikh hilang:**  
 6 November 2011  
**Status:** Belum ditemui



**Nama:** Siti Nur Husna Sheikh  
**Tarikh Lahir:** 19 Oktober  
 1998  
**Alamat:** No. 10/1392,  
 Beserah, Kuantan, Pahang  
**Tarikh hilang:**  
 17 November 2011  
**Status:** Belum ditemui